

Biodata Usahawanita 3: Wan Hasanah Binti Wan Mohamad

“OPTOMETRIS IKHTIAR”

Industri Obtometris

Optometri adalah satu profesi penjagaan kesihatan yang melibatkan pemeriksaan mata dan sistem visual berkenaan dengan kecacatan atau keadaan tidak normal dan juga diagnosis perubatan dan pengurusan penyakit mata. Secara tradisinya, bidang optometri bermula dengan fokus utama untuk membetulkan kesilapan refraktif melalui penggunaan cermin mata. Optometri moden, bagaimanapun, telah berkembang mengikut peredaran masa manakala kurikulum pendidikan tambahan termasuk latihan perubatan intensif dalam diagnosis dan pengurusan penyakit okular di negara-negara di mana profesion itu ditubuhkan dikawal selia.

Pakar Optometris (juga dikenali sebagai Doktor Optometri di Amerika Syarikat dan Kanada adalah mereka yang memegang ijazah Optometris Doctor atau Ophthalmic Opticians di UK) adalah profesional perubatan yang menyediakan penjagaan mata terutama melalui pemeriksaan mata yang menyeluruh untuk mengesan dan merawat pelbagai visual kelainan dan penyakit mata. Sebagai satu profesi yang dikawal selia, skop optometris mungkin berbeza bergantung kepada lokasi. Oleh itu, gangguan atau penyakit dikesan di luar skop rawatan optometri dirujuk kepada profesional perubatan yang berkaitan untuk penjagaan yang betul, kebiasaannya kepada pakar mata iaitu doktor perubatan yang pakar dalam rawatan perubatan dan pembedahan berkaitan mata. Optometris biasanya bekerja rapat dengan profesional penjagaan mata yang lain seperti pakar mata dan pakar optik untuk memberikan kualiti dan penjagaan mata yang baik dan cekap kepada orang ramai.

Istilah “optometri” berasal dari perkataan Greek (*opsis*; “lihat”) dan (*Metron*; “sesuatu yang digunakan untuk mengukur”, “langkah”, “peraturan”). Perkataan optometri digunakan dalam bahasa apabila instrumen untuk mengukur visi dipanggil optometer satu, (sebelum syarat-syarat phoropter atau pembias digunakan). Perkataan akar “**opto**” adalah satu bentuk dipendekkan berasal dari perkataan Greek **ophthalmos** yang bermaksud, “mata”. Seperti kebanyakan profesi penjagaan kesihatan, pendidikan dan pensijilan optometris dikawal di kebanyakan negara. Profesional Optometric dan organisasi yang berkaitan optometri-berinteraksi dengan agensi-agensi kerajaan, profesional kesihatan yang lain, dan masyarakat untuk menyampaikan maklumat dan visi penjagaan berkaitan.

Optometri adalah satu profesi penjagaan kesihatan yang autonomi, berpendidikan, dan dikawal selia (berlesen / berdaftar), dan optometris adalah pengamal kesihatan primer mata dan sistem visual yang menyediakan perkhidmatan mata yang komprehensif dan penjagaan penglihatan, yang merangkumi pembiasan dan pendispensan, pengesanan / diagnosis dan pengurusan penyakit di mata, serta pemulihan keadaan sistem visual.

BIODATA USAHAWAN

Menceburい bidang penjagaan kesihatan mata adalah cita-citanya sejak dari bangku sekolah lagi. Dr Wan atau nama penuhnya, Wan Hasanah Binti Wan Mohamad merupakan seorang Pakar Kesihatan Mata yang berkongsi minat dan kerjaya yang sama dengan suaminya Dr Jasmadi (Jasmadi Bin Omar). Menguruskan syarikat sendiri dalam bidang optometris kesihatan mata dan Vision, Wan Hasanah kini memiliki 4 cawangan Optometris Ikhtiar yang beroperasi 2 daripadanya di bandar Pekan, Pahang, Kuala Rompin dan kini yang terbaru di Tanjung Lumpur, Kuantan.



Dr Wan bersama pelanggan di premisnya.

Dilahirkan pada 1974 di Kota Bharu Kelantan, beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Dewan Beta sebelum melanjutkan pengajian menengah di Sekolah Menengah Kg Mulong, Kota Bharu. Selepas memperoleh keputusan yang baik dalam Sijil Pelajaran Malaysia, beliau seterusnya melanjutkan pengajian dalam Matrikulasi Sains Hayat di Pusat Matrikulasi Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Minatnya yang mendalam dalam bidang optometris memberi inspirasi kepadanya untuk meneruskan pengajian ijazah dalam bidang yang sama di Universiti

Transformasi Kejayaan Usahawan

Kebangsaan Malaysia, cawangan Kuala Lumpur dalam bidang Optometris di Kampus Jalan Semarak, Kuala Lumpur.



Sedang melayani pelanggan memilih bingkai cermin yang bersesuaian

Perkenalan dengan suaminya bermula semasa beliau melanjutkan pengajian Ijazah Optometris di UKM. Encik Jasmadi Bin Omar dilahirkan pada tahun 1971 juga mengikuti pengajian dalam aliran yang sama dengan Dr Wan Hasanah di UKM dan mengikuti Matrikulasi Sains di Universiti Malaya dan juga berasal dari Kota Bharu, Kelantan. Suami beliau merupakan senior di UKM semasa beliau menuntut di sana. Hasil perkahwinannya, beliau di kurniakan 6 orang cahayamata yang terdiri daripada 3 perempuan dan 3 lelaki. Ironinya, anak sulung mereka yang kini berusia 20 tahun juga meminati bidang yang sama dengan ibu dan ayahnya dan sedang menuntut dalam bidang yang sama di sebuah universiti tempatan.

Transformasi Kejayaan Usahawan



Pelanggan perlu menjalankan ujian mata sebelum membuat cermin mata



Berbagai pilihan cermin mata untuk dipilih bersetujuan dengan bentuk wajah pelanggan

Dr Wan menggalakkan anak-anaknya untuk meneruskan legasi keluarga mereka dan meminati bidang yang sama kerana pada pengalamannya, bidang ini menjanjikan kerjaya yang baik dan berkembang maju. Beliau pernah berkhimat di Jabatan Optometris Hospital Kuala Lumpur sebagai Optomologis (Pakar mata) atau lebih dikenali sebagai Optometris selama lebih 5 tahun sebelum membuat keputusan untuk meneruskan kerjaya optometrianya sendiri. Bermodalkan RM 20 000 hasil simpanan sendiri dan suami, beliau memulakan perniagaan Optometris Ikhtiar di bandar Pekan, Pahang.

Transformasi Kejayaan Usahawan




Pemeriksaan mata perlu dijalankan dengan teliti sebelum tempahan dibuat



Peralatan yang digunakan untuk mengukur tahap kerosakan mata pelanggan



Berbagai fesyen mengikut pilihan pelanggan dengan harga yang berpatutan



Pemeriksaan mata untuk mengenalpasti warna juga penting terutamanya untuk memandu kenderaan

STRATEGI KEJAYAAN PERNIAGAAN

Cawangan di tanjung Lumpur , Kuantan. Jalam tengku Abdullah, pekan, bandar kuala rompin Pahang

Bagi seorang usahawan yang menceburi bidang optometris, faktor pemilihan harga oleh pembekal pembekal memainkan peranan penting dalam perletakan harga produk. Sekiranya pembekal meletakkan harga yang tinggi, produk yang di jual juga akan meningkat harganya. Pelanggan diberikan pilihan untuk memilih bingkai cermin mata yang sesuai dengan bajet masing-masing. Bingkai biasa boleh didapati dengan harga yang lebih rendah. Jika berminat dengan bingkai

berjenama, pelanggan perlu menyediakan bajet mengikut kemampuan. Dr Wan memberikan pilihan kepada pelanggannya untuk menentukan pilihan mereka.

Kejayaan dalam perniagaan adalah bergantung kepada strategi yang dimainkan oleh pengusaha. Terdapat beberapa ciri penting yang digariskan oleh Wan Hasanah dalam strategi kejayaan perniagaannya:

i-Anggap kerjaya sebagai Ibadah

Menurut Dr Wan, kerjaya adalah ibadah. “Membantu orang ramai menjaga kesihatan mata adalah matlamat saya.” Beliau akan memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan agar mereka benar-benar memperoleh kualiti daripadanya. “membantu orang biar ikhlas, angaplah kerja kita ini sebagai satu cabang ibadah.” Katanya lagi.

ii-Yakin rezeki daripada Allah

“Sebagai muslim, kita kena yakin rezeki itu hak Allah, kita Cuma perlu berusaha untuk memperoleh rezeki tersebut.” Menurutnya lagi, “kita perlu menjaga hak Allah terlebih dahulu, solat di awal waktu, melakukan amalan sunat dan sebagainya adalah kunci kejayaan.”.

iii-Strategi harga

Strategi kawalan harga memainkan peranan penting untuk memastikan harga produk tidak terlalu rendah sehingga menjaskan margin untung dan tidak terlalu tinggi. Menurut beliau “harga yang diletakkan pada setiap produk adalah berbeza bergantung kepada harga yang diberikan oleh pembekal.”

iv-mengutamakan kualiti dalam perkhidmatan

“Kami di Optometris Ikhtiar memberikan kualiti perkhidmatan pemeriksaan mata yang terbaik dengan harga ujian mata serendah RM10 sahaja.”. bagi beliau tidak ada maknanya meletakkan harga yang mahal sedangkan kualiti yang diberikan tidak mencapai kehendak pelanggan.

v-mesra pelanggan

Usahawan haruslah bersikap mesra pelanggan. “peniaga berbangsa Cina lebih mudah didekati kerana mereka mudah mesra, kita juga perlu mengamalkan sikap yang mesra jika ingin mengambil hati pelanggan tidak kira status mereka.” Sikap sompong hanya akan menjaskan pelanggan.

Nasihat Dr Wan kepada usahawan yang berminat menceburi bidang optometris **“Ilmu adalah perkara utama dalam bidang ini, seorang optometris perlu memiliki ilmu yang mendalam dalam bidang kesihatan mata bukan hanya sekadar ingin menjual produk, malahan perkhidmatan yang ditawarkan haruslah berkualiti dan terbaik.”**



Kekemasan dalam susun atur produk juga boleh menarik minat pelanggan

INSPIRASI DALAM PERNIAGAAN

Sebagai ibu yang dikurniakan 6 orang cahaya mata, Wan Hasanah menjadikan anak-anak dan suami sebagai sumber inspirasi dalam kehidupan beliau. Mengenangkan kepayahan ibu dan bapanya membesarkan beliau dalam suasana yang serba sederhana, beliau nekad untuk memberikan yang terbaik kepada anak-anak. “Sebagai ibu bapa, adalah menjadi tanggungjawab kita menyediakan peluang yang terbaik untuk anak-anak belajar ke tahap yang paling tinggi. Saya benar-benar berharap agar anak-anak juga akan mengikuti jejak langkah saya dan suami dalam bidang optometris ini.” Namun beliau tidak menolak kemungkinan jika sekiranya anak-anaknya berminat dalam bidang kerjaya lain, beliau tidak menghalang.

STRATEGI KEJAYAAN USAHAWAN

Strategi kejayaan perniagaan dan strategi kejayaan usahawan adalah 2 perkara yang berbeza. Menurut Dr Wan, Usahawan yang berjaya haruslah mempunyai keyakinan dalaman yang tinggi. Berikut adalah strategi yang digariskan oleh beliau.

Inisiatif dan bertanggungjawab

“Orang berjaya ni kena ada inisiatif dan tanggungjawab, bukan sekadar mementingkan untung semata-mata.” Menurut beliau, keberkesanan setiap strategi yang digunakan adalah bergantung kepada kreativiti usahawan untuk mencari dan mengambil inisiatif. Usahawan yang berjaya ialah individu yang sentiasa mengamalkan sikap bertanggungjawab dalam segala aspek.

Berorientasikan peluang

“Kia kena ambil peluang yang ada dalam industri ini, tidak kira peluang itu kecil atau besar” katanya. Menurut beliau, usahawan mempunyai kebijaksanaan dalam mencari peluang yang ada dalam pasaran. Dalam mencari peluang perniagaan baru, usahawan perlu melihat kejayaan orang lain dalam skop yang berbeza.

Keyakinan dan optimistik

Bersikap yakin dan optimis kepada usaha yang telah dimulakan. Menurut beliau, usahawan harus mempunyai keyakinan yang tinggi atas kebolehan untuk mencapai kejayaan. Kecenderungan bersikap optimistik ini mendorong peningkatan usaha yang lebih baik.

Kreatif dan inovatif

“Semua usahawan perlu berfikiran positif, sentiasa kreatif dalam mencari peluang-peluang perniagaan baru dan inovatif dalam penciptaan berdasarkan kreativiti yang ada.” “Jangan tengok pada apa yang orang lain ada, tetapi berfikirlah apa lagi yang boleh kita berikan untuk menarik hati pelanggan.”

Mencari maklum balas

“Sebagai usahawan kita perlu mengenalpasti kelemahan yang ada dan berusaha memperbaikinya. Perlu aktif mencari dan menggunakan maklum balas yang diterima sebagai cara untuk memperbaiki prestasi.” Baginya, maklum balas pelanggan penting dalam menentukan hala tju syarikatnya.

KEKANGAN DALAM PERNIAGAAN

Seperti perniagaan lain, bidang optometris juga tidak lari dari berdepan dengan masalah pesaing dan permainan harga yang dilakukan oleh pesaing. “ada pesaing yang meletakkan harga tidak masuk akal, terlalu murah...pelanggan tidak sedar bahawa mereka menggunakan jenama tiruan gred AAA, mudah tertipu.” Katanya. Persaingan sengit dalam strategi harga daripada pesaing seperti Dr Spek, Nilam Optik, Optik Chinta, dan sebagainya yang menawarkan harga runtuh sepanjang tahun sedikit sebanyak menjelaskan optometris sepertinya. “mereka ini (optician) ada yang tidak pakar tetapi menjalankan perniagaan atas dasar bisnes, kesian pelanggan kadang-kadang tertipu, sudahlah mata tidak diperiksa dengan professional, beli cermin mata pun kena yang tiruan.” Ujarnya dalam nada sedikit kesal.

Perkara yang biasa berlaku dalam bidang ini adalah perang harga, turun harga dan buang harga. Apa yang dimaksudkan dengan perkara ini adalah harga yang diletakkan adalah terlalu murah semata-mata ingin merebut pelanggan. Ini dilakukan oleh sesetengah pesaing untuk ‘membunuh’ bisnes pesaing mereka.

Pesan Dr Wan kepada usahawan yang ingin menceburi bidang ini **“Buatlah sesuatu itu dengan niat yang ikhlas kerana Allah, menolong orang bukan hanya untuk keuntungan, tetapi utamakan rasa tanggungjawab terhadap pelanggan, berikan mereka yang terbaik agar Allah membalaunya dengan kebaikan juga”** ujarnya

Alamat premis:
“Optometris Ikhtiar”,
No. 5, Pusat Komersial Pekan,
Jalan Sultan Abu Bakar,
26600, Pekan, Pahang.

Transformasi Kejayaan Usahawan
